

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Pepèriksaan Semester II
Sidang Akademik 1997/98

Februari 1998

PDP 428 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu 11

(Masa : 2 Jam)

ARAHAN: Jawab **TIGA** soalan semuanya. Pilih **SATU** soalan daripada **setiap** bahagian.

BAHAGIAN A

1. a) Nyatakan sepuluh pendekatan yang boleh digunakan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu pada peringkat Tingkatan Enam.
(10 markah)
- b) Huraikan dengan jelas TIGA daripada pendekatan mengajar Kesusasteraan Melayu yang disebut dalam (a) di atas. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang jelas dan khusus daripada teks Tingkatan Enam.
(30 markah)
2. a) Huraikan secara ringkas bagaimana anda dapat mengaplikasikan lima daripada kemahiran berfikir CoRT yang disarankan oleh Dr Edward de Bono dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu.
(20 markah).
- b) Jelaskan lima kelebihan menggunakan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Jawapan anda hendaklah disertakan dengan contoh-contoh yang tepat.
(20 markah)
...2/-

BAHAGIAN B

3. Rancangkan beberapa aktiviti yang menarik untuk mengajar watak dan perwatakan pemerintah dalam teks Sejarah Melayu (edisi Samad Ahmad) bagi pelajar tingkatan Enam Rendah .

(30 markah)

4. Jelaskan aktiviti guru dan pelajar bermula dari set induksi sehingga penutup untuk mengajar tema dan persoalan dalam novel Empangan bagi pelajar Tingkatan Enam Atas. Nyatakan juga alat bantu mengajar, pendekatan dan teknik yang anda akan gunakan dalam pengajaran tersebut.

(30 markah)

BAHAGIAN C

5. Sediakan satu rancangan pelajaran yang menarik untuk mengajar latar masyarakat dan unsur-unsur pengajaran dalam cerita -cerita binatang berikut:

- i. Harimau Berdamai dengan Kambing
- ii. Pelanduk Jenaka Menipu Gergasi
- iii. Sang Buaya Kena Hukum
- iv. Sang Kancil dan Siput (teks warna Sari Sastera Melayu Tradisional)

(30 markah)

6. Baca puisi dalam Lampiran A dengan teliti dan rancangkan langkah-langkah pengajaran yang menarik dan berkesan untuk mengajar bentuk, gaya bahasa dan nada dalam puisi tersebut kepada pelajar-pelajar Tingkatan Enam Atas.

(30 markah)

...3/-

LAMPIRAN A

Firdaus Abdullah

**Fatamorgana
(Untuk album gadis tetamu)**

Kita seiring melangkah
kau begitu sopan
aku mencecah harap
orang menatap manis menyisih.

Ah alangkah manis
kemesraan budi teruna dan gadis
meratalah bahagia seluruh dunia
hidup tanpa ratap tanpa tangis.

II

Di sini adik, muzium negara berdiri menanti
betapa lengang ia dalam dunia sendiri
kita saksikan peninggalan sejarah
sekadar aksi mati zaman sudah
(tapi tahukah kau tentang kapal fame
tenggelam ke dasar laut
tentang winstedt tentang dr. snouck?).

Kita seiring selangkah
patung-patung dan lukisan-lukisan mengucap madah:
tentang kegagahan melaka pada zaman silam
tentang unsur kebudayaan berbagai ragam
tentang budi penjajah menasikan sekam.

(Kata orang
masa silam yang serba agung
alamat masa depan gilang-gemilang
kata abang
masa mana pun yang megah palsu
mendatangkan sumpah si anak cucu).

...4/-

III

Begitu indahny dalam sopan penuh santun
ah manisnya bila kita bertukar senyum

Kita lingkari kuala lumpur:
taman bunga, jalan duta, memanjat bukit kenny
rumah-rumah tersergam kau tak tahu siapa yang
 menghuni
(gunung ledang - istana raja melaka
hendak direntangi jambatan emas
sedang di hulu kelantan
sedulang hati nyamuk berbanding secupak beras).

Ibu kota giat membangun
antara asap dapur dan asap ungun.

Di sini adik, bukit bintang tanpa bulan
rancak joget orang dagang membeli seni
lambai tangan orang menunggu di meja undi
dunia yang makmur pada kulit semakin luntur
fatamorgana, adik, kemanusiaan, nan kian hancur.

1964

- ooo0ooo -